



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMERKASAAN KONTRAKTOR KECIL G1-G4 TERUS DIPERTINGKATKAN MELALUI PROGRAM MYJALAN

KUALA KANGSAR, PERAK – Kementerian Kerja Raya (KKR) meneruskan agenda pemerkasaan kontraktor kecil tempatan terutama G1-G4 melalui inisiatif Cabutan Undi Kerja Penyenggaraan Jalan Persekutuan Negeri Perak bagi tahun 2026 selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang berkualiti, mampan, selamat dan selesa demi kesejahteraan negara dan rakyat.

2. Bagi tahun 2026, KKR telah memperuntukkan RM300 juta di bawah Program Pemerkasan Kontraktor G1 hingga G4 dengan meningkatkan penglibatan mereka dalam kerja-kerja penyenggaraan jalan raya berkala dan bukan berkala bagi Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Program yang telah diluluskan pada 21 Januari 2026 melibatkan 758 kerja iaitu 81 kerja Berkala Pavemen dan 677 kerja Berkala Bukan Pavemen, meningkat sebanyak 112 kerja berbanding tahun 2025, sekali gus melebarkan peluang penyertaan kontraktor kecil khususnya kelas G1 dan G2 dalam projek pembangunan negara.

3. Di Negeri Perak, kerja-kerja utama penyenggaraan jalan persekutuan dilaksanakan melalui syarikat konsesi Belati Wangsa Sdn Bhd. 89 kerja bernilai RM32.95 juta ditawarkan secara cabutan undi merangkumi 12 Kerja Berkala Pavemen yang bernilai RM13.7 juta dan 77 Kerja Berkala Bukan Pavemen bernilai RM19.25 juta. Pecahannya merangkumi 47 kerja bagi kontraktor G1, 24 bagi G2, 12 bagi G3 dan 6 bagi G4.

4. Seramai 1,731 kontraktor layak yang memenuhi kriteria termasuk telah berdaftar dengan CIDB, memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan mempunyai rekod prestasi yang baik telah menyertai proses ini di mana proses cabutan undi yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Cabutan Undi (JCU) dibuat secara telus dan dipancarkan secara langsung dalam talian disaksikan oleh semua kontraktor.

5. Skop kerja melibatkan penyenggaraan pavemen seperti *mill & pave*, *Cold In-Place Recycling* (CIPR), *overlay* dan pembinaan semula jalan. Manakala kerja bukan pavemen pula merangkumi peningkatan aspek keselamatan dan estetika jalan raya termasuk garisan jalan, papan tanda, *roadkerb* dan sistem perparitan. Semua kerja-kerja yang bakal diberikan kepada kontraktor melalui cabutan undi akan dipantau rapi oleh Syarikat Konsesi Belati Wangsa dan JKR Negeri Perak. Penilaian prestasi kontraktor akan menjadi asas peluang kerja masa hadapan, selaras dengan penegasan KKR bahawa tiada kompromi terhadap kualiti, kos, tempoh siap dan keselamatan yang menepati aspirasi Program MYJalan.

6. Sejurus selepas majlis tersebut, YB Menteri Kerja Raya turut mengadakan lawatan kerja ke Jalan Raya Timur Barat (FT004), termasuk lokasi kemalangan bas pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Lawatan kerja tersebut juga turut menilai keberkesanan kerja penyenggaraan dalam tahun 2025 yang bernilai RM54.092 juta. Kerja-kerja tersebut merangkumi Pavement Conditions Assessment (PCA), penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat termasuk pemasangan 385 tiang lampu solar, serta penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen yang telah meningkatkan tahap keselamatan di jalan tersebut terutama pada waktu malam. Sehingga kini belum ada statistik baru kemalangan maut di jalan tersebut.

7. Bagi tahun 2026, KKR menerima peruntukan sebanyak RM45 juta untuk penyenggaraan berkala pavemen bagi jalan persekutuan FT004 tersebut dan sehingga 30 Januari 2026, sebanyak RM40 juta telah disalurkan bagi kerja di 21 lokasi sepanjang laluan tersebut di Negeri Perak.

8. KKR akan terus komited memperkukuh tadbir urus adil dan telus dalam memperkasa kontraktor tempatan dalam kerja-kerja pembangunan negara serta memastikan setiap peruntukan disalurkan secara berkesan demi menjamin keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan rakyat, sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan pembangunan inklusif, mampan dan berfokuskan rakyat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
29 JANUARI 2026



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA